

## **MASA DEPAN BELIA, KEBIMBANGAN AZALINA**

**Utusan Malaysia, Yo! 20 Januari 2007**

Tirai 2006 telah pun dilabuhkan dengan pelbagai kejayaan yang dikecapi belia hari ini. Baik dalam bidang sukan mahupun program-program belia diperingkat dalam dan luar negara, semuanya telah diusahakan. Apabila bercakap soal belia., orang yang layak ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

Beliau bukan hanya merancang pelbagai aktiviti untuk golongan tersebut malah dia adalah orang yang paling bimbang tentang masa depan belia hari ini. Bagi beliau, peranan belia amat amat penting kerana tanpa mereka, setiap perancangan negara tidak akan mancapai matlamatnya.

Oleh yang demikian, hasrat beliau yang ingin melihat pembangunan insan dilaksanakan dengan berkesan turut menjadi cabaran baginya. Justeru, pada tahun ini, kementeriannya mengambil pendekatan untuk memberikan tumpuan kepada program-program memperkasakan belia.

"Tahun ini kita lebih banyak fokus kepada program memperkasakan belia dalam dua aspek iaitu memperkasakan persatuan belia untuk belia yang berpersatuan dan juga kepada belia yang tidak berpesatuan." Katanya kepada Yo! ketika ditemui di Putrajaya baru-baru ini.

Bagi tujuan tersebut, selain menambahkan peruntukan menurut Azalina, apa yang lebih penting adalah aspek belia berpesatuan untuk menambahkan bilangan ahli persatuan.

Dalam masa yang sama, beliau turut berharap agar Pusat Belia Antarabangsa (IYC) yang berlokasi di Cheras kerjasama dengan Majlis Belia

Malaysia (MBM) untuk mentadbir dalam usaha menggalakkan dan memperkasakan belia-belia Malaysia persada antarabangsa.

Bukan itu sahaja malah Azalina turut menitik beratkan belia-belia yang tidak berpersatuan dengan mengadakan program-program yang bersesuaian dengan mereka agar mereka tidak ketinggalan.

"Itu sebabnya program Youth To Youth diwujudkan di mana kita (KBS) bekerjasama dengan ahli parlimen dan memberikan peruntukan khas supaya mereka dapat menggerakkan dan memantau program-program belia di peringkat parlimen," ujarnya.

Dalam usaha memperkasakan belia di peringkat akar umbi pula, menurut Azalina, Kelab Rakan Muda Wawasan Desa diwujudkan di setiap kampung. Beliau yang berpegang kepada kampung itu sebenarnya perlu menjadi tempat kepada aktiviti belia setiap kampung berpendapat bahawa belia-belia kampung tidak boleh berhijrah ke Bandar untuk mengikuti program belia.

Azalina turut menegaskan bahawa segalanya mesti bermula dari kampung dan diikuti dengan pelaksanaan program-program kebajikan dan khidmat sosial.

"Tidak perlulah apabila bercakap tentang belia, kita bercakap mengenai sukan go-kart, motor dan sebagainya kerana itu bukan sepenuhnya aktiviti belia ia hanyalah aktiviti sampingan sahaja.

"Untuk itu juga pada tahun ini kita hendak memperturunkan bantuan kewangan untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti belia dari peringkat akar umbi ke peringkat tinggi.

"Dan dalam hal ini semua pihak memainkan peranan di mana Majlis Belia Daerah akan bekerjasama dengan kementerian memantau dan membantu program-program kementerian di peringkat akar umbi,"

Akhir sekali beliau berharap agar belia-belia hari ini bersyukur kepada negara kerana mereka adalah sebagai warisan kepimpinan akan datang.

Oleh itu, Azalina menekankan bahawa mereka harus aktif, tahu bercampur dalam masyarakat serta hidup dalam perpaduan dan negara kita hanya boleh kekal kalau kita masih mengekalkan semangat perpaduan sesama kita.

Itulah harapan Datuk Azalina Othman Said.